



# **ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA**

## **PENDAFTARAN STESEN KUARANTIN HAIWAN SEMENTARA**

**No Dokumentasi : APTVM (17b1 : 2009)**

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI  
MALAYSIA**

---

## ISI KANDUNGAN

## MUKASURAT

Arahan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar

1.0	Objektif.....	1
2.0	Skop.....	1
3.0	Rujukan.....	1
4.0	Definisi.....	1
5.0	Kata Singkatan.....	2
6.0	ARAHAN PROSEDUR TETAP SKH (S).....	3
6.1	Pendaftaran SKH (S).....	3
6.1.1	Kelulusan Tapak Kuarantin.....	3
6.1.2	Pendaftaran.....	4
6.1.3	Memperbaharui Pendaftaran SKH (S).....	4
6.2	Pengurusan Ternakan di SKH (S).....	5
6.2.1	Penerimaan Ternakan.....	5
6.2.2	Menjalani Tempoh Kuarantin.....	5
6.2.3	Pelepasan Ternakan.....	6
6.3	Pengurusan Ternakan Sakit / Cedera di SKH (S).....	6
6.4	Rekod.....	7
7.0	Lampiran : GARIS PANDUAN PENUBUHAN SKH (S)	

## **ARAHAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

Kuarantin merupakan salah satu daripada kaedah mencegah dan mengawal penyakit yang amat penting kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Proses kuarantin melibatkan pengasingan setiap atau sekumpulan binatang dan produknya dengan tujuan untuk mengesahkan kesihatan dan memastikan hanya binatang dan produknya yang sihat sahaja dibenar masuk ke dalam negara.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar mengamalkan dua jenis kuarantin; i) untuk tujuan kawalan penyakit dan ii) untuk kawalan import dan eksport. Kuarantin bagi tujuan kawalan penyakit diwujudkan di kawasan yang berlakunya penyakit berjangkit atau zoonotik atas arahan Ketua Menteri atau Menteri Besar di bawah Seksyen 36, Akta Binatang 1953 (Semakan 2006). Kuarantin kawalan import dan eksport pula diperuntukan di bawah Seksyen 80 akta yang sama.


Sementara itu terdapat dua jenis kuarantin kawalan import dan eksport; i) stesen kuarantin haiwan (SKH) kerajaan yang diperuntukan penubuhannya di bawah Seksyen 80(1) dan ii) SKH sementara yang diperuntukan di bawah Seksyen 80(2). Pada ketika ini terdapat tujuh buah SKH kerajaan telah dibangunkan tetapi masih belum mampu menampung keperluan pengimportan.

Proses kuarantin juga boleh dijalankan di mana-mana premis yang dibenarkan secara sementara oleh Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri. Premis berkenaan berfungsi sebagai kuarantin sementara untuk sekali sahaja secara *ad hoc* berdasarkan pertimbangan pengarah dan kembali ke status asal sebaik sahaja proses kuarantin tamat. Kebenaran ini diberikan hanya dalam memenuhi keperluan keadaan istimewa sahaja.

Dalam usaha memperbaiki sistem penyampaian serta memperkukuhkan lagi rangkaian perkhidmatan kuarantin dan menjamin keutuhannya Arahan Prosedur Tetap Veterinar – Stesen Kuarantin Haiwan (S) APTVM (17b1 : 2009) ini dikeluarkan. APTVM-SKH (S) ini menjelaskan prosedur pendaftaran, pengurusan kuarantin dan penyimpanan rekod yang seragam dan diselaraskan piawaiannya dengan SKH kerajaan.

Maka dengan ini diarahkan kepada semua mereka yang ingin menjalankan proses kuarantin binatang dalam sesuatu premis sementara secara berulang hendaklah terlebih dahulu memohon dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar untuk didaftarkan. Premis yang menepati piawaian kuarantin haiwan boleh didaftarkan. Premis berkenaan akan berfungsi sebagai kuarantin sementara pada ketika proses kuarantin berjalan dan akan kembali ke status asal bila proses tersebut selesai. Maka melalui arahan ini proses kuarantin dalam SKH (S) dibenarkan berulang selagi tempoh pendaftarannya masih sah.

Semoga dengan APTVM ini akan meningkatkan lagi kecekapan sistem penyampaian Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan merangsang pertumbuhan industri ternakan yang sihat. Maka saya mengarahkan semua pihak yang terlibat untuk mematuhi prosedur ini.



Dato' Dr. Abd. Aziz bin Jamaluddin  
Ketua Pengarah  
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia

## **PENDAFTARAN STESEN KUARANTIN HAIWAN SEMENTARA**

### **1.0 OBJEKTIF**

Prosedur ini bertujuan memberikan panduan dalam melaksanakan pendaftaran dan pengurusan SKH (S).

### **2.0 SKOP**

2.1 Prosedur ini digunakan untuk menubuhkan, mendaftar dan mengurus ternakan dalam SKH (S).

2.2 Ternakan yang dikuarantin adalah lembu, kerbau, kambing dan bebiri.

### **3.0 RUJUKAN**

Akta Binatang 1953 (Semakan 2006).

### **4.0 DEFINISI**

#### **4.1 *Manual Operasi***

Dokumen yang mengandungi arahan kerja yang dijalankan bagi setiap aktiviti dalam menguruskan premis dan ternakan dalam kuarantin.

#### **4.2 *Premis***

Kawasan/tempat/ladang yang dijadikan stesen kuarantin haiwan.

#### **4.3 *Pegawai Veterinar***

Veterinawan yang berdaftar dengan Majlis Veterinar Malaysia yang dilantik sebagai Pegawai Veterinar kerajaan.

#### 4.4 **Pegawai Veterinar Bertauliah**

Veterinawan yang berdaftar dengan Majlis Veterinar Malaysia, memiliki Sijil Amalan Tahunan yang sah dan ditauliahkan oleh Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar bagi menjalankan tugas sebagai penguasa veterinar.

#### 4.5 **Penguasa Veterinar**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar dan mana-mana Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri, mana-mana Pegawai Veterinar, Penolong Pegawai Veterinar dan termasuk sesiapa sahaja yang ditauliahkan secara bertulis oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar dan mana-mana Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri sebagai penguasa veterinar di bawah Seksyen 3.

#### 4.6 **Stesen Kuarantin Haiwan Sementara**

Premis sementara yang dijadikan tempat pengasingan ternakan bagi tujuan pemantauan penyakit.

#### 4.7 **Tuanpunya Stesen Kuarantin Haiwan Sementara**

Nama individu/syarikat yang mendaftar dalam permohonan.

### 5.0 **KATA SINGKATAN**

5.1 JPV - Jabatan Perkhidmatan Veterinar

5.2 KPPV - Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar

5.3 PBT - Pihak Berkuasa Tempatan

5.4 PPVN - Perkhidmatan Veterinar Negeri

5.5 PV - Pegawai Veterinar

- 5.6 PV (B) - Pegawai Veterinar Bertauliah
- 5.7 PPV - Penolong Pegawai Veterinar
- 5.8 PemV - Pembantu Veterinar
- 5.9 SKH (S) - Stesen Kuarantin Haiwan Sementara
- 5.10 SKIE - Seksyen Perkhidmatan Kuarantin dan Import/Eksport

## **6.0 ARAHAN PROSEDUR TETAP PENDAFTARAN SKH (S)**

### **6.1 Pendaftaran SKH (S)**

#### **6.1.1 Kelulusan Tapak Kuarantin**

- 6.1.1.1 Permohonan bagi meluluskan tapak kuarantin hendaklah dibuat kepada SKIE bagi membina SKH (S), naiktaraf SKH (S) atau meluaskan kawasan SKH (S) daripada saiz yang sedia ada.
- 6.1.1.2 SKIE hendaklah mencadangkan pembinaan SKH (S) kepada pemohon berdasarkan kepada garis panduan yang ditetapkan (Rujuk Lampiran: Garispanduan Penubuhan SKH (S)).
- 6.1.1.3 Pembinaan SKH (S) hendaklah dijalankan setelah mendapat kelulusan lokasi dan konsep daripada KPPV.
- 6.1.1.4 Pemeriksaan premis SKH (S) hendaklah dijalankan oleh SKIE untuk kelulusan PPVN.

## 6.1.2 Pendaftaran

- 6.1.2.1 Permohonan bagi pendaftaran SKH (S) hendaklah dibuat kepada PPVN / SKIE.
- 6.1.2.2 Pemohon hendaklah mendapatkan khidmat PV (B) dan menghadiri kursus (Rujuk Arahan Prosedur Tetap Pentauliahan Pegawai Veterinar).
- 6.1.2.3 Pendaftaran adalah untuk jangkamasa setahun dan perlu diperbaharui setiap tahun.
- 6.1.2.4 Pemeriksaan secara berkala ke atas premis dan pengurusan SKH (S) hendaklah dijalankan oleh PPVN/ SKIE.
- 6.1.2.5 Pendaftaran SKH (S) akan dibatalkan pada bila-bila masa dengan notis bertulis sekiranya tidak lagi digunakan atau didapati tidak mematuhi peraturan atau syarat-syarat yang telah ditetapkan JPV.

## 6.1.3 Memperbaharui Pendaftaran SKH (S)

- 6.1.3.1 Permohonan bagi memperbaharui pendaftaran SKH (S) hendaklah dibuat kepada SKIE.
- 6.1.3.2 Laporan pemerhatian tahun sebelumnya hendaklah dirujuk dan pendaftaran semula tidak diluluskan sekiranya terdapat ketidakakuran kepada peraturan-peraturan kuarantin. Sekiranya akur, rujuk 6.1.2.3..



## 6.2 Pengurusan Ternakan Di SKH (S)

### 6.2.1 Penerimaan Ternakan

- 6.2.1.1 Dokumen hendaklah diserahkan bersama sama dengan kemasukan ternakan kepada PV (B).
- 6.2.1.2 Pemeriksaan fizikal hendaklah dijalankan ke atas ternakan dan pengenalan ternakan hendaklah dipastikan sama seperti yang direkodkan.
- 6.2.1.3 Ternakan yang sakit atau tercedera hendaklah diasingkan daripada ternakan yang sihat. (Rujuk Arahan Prosedur Tetap Pengurusan Ternakan Sakit / Cedera).

### 6.2.2 Menjalani Tempoh Kuarantin

- 6.2.2.1 Tanggungjawab pengurusan dan pentadbiran SKH (S) hendaklah diserahkan kepada PV(B).
- 6.2.2.2 Papan tanda nama SKH (S) dan 'Kawasan Larangan' hendaklah dinaikkan.
- 6.2.2.3 Pemeriksaan harian hendaklah dijalankan.
- 6.2.2.4 Sera ternakan untuk tujuan baka hendaklah diuji dengan ujian Brucella RBPT/ELISA dan NSP.

#### Keputusan Positif

Ternakan yang positif akan diasingkan dan

dirawat.

#### Keputusan Negatif

Ternakan yang negatif di dalam kumpulan yang sama akan dilanjutkan tempoh kuarantin.

### 6.2.3 Pelepasan Ternakan

- 6.2.3.1 Pemeriksaan akhir hendaklah dijalankan ke atas ternakan.
- 6.2.3.2 Papan tanda nama SKH (S) dan 'Kawasan Larangan' hendaklah diturunkan.
- 6.2.3.3 PV (B) hendaklah mengeluarkan Sijil Kuarantin bagi ternakan yang sihat dan tamat tempoh kuarantin.
- 6.2.3.4 Tanggungjawab pengurusan dan pentadbiran kuarantin diserahkan kepada Tuanpunya SKH (S) / Pemilik ternakan.
- 6.2.3.5 Ternakan hendaklah dilepaskan daripada kuarantin.
- 6.2.3.6 PV (B) hendaklah membuat dan menghantar laporan lengkap kuarantin ke SKIE.

## 6.3 Pengurusan Ternakan Sakit / Cedera Di SKH (S)

- 6.3.1 Ternakan sakit atau tercedera di kandang hendaklah diasingkan daripada kumpulan ternakan yang sihat.

- 6.3.2 PV (B) hendaklah memaklumkan kepada pihak PPVN dengan segera sekiranya terdapat kes atau disyaki dijangkiti penyakit berjangkit atau zoonotik untuk memastikan tindakan awal dapat diambil.
- 6.3.3 Sampel darah / najis / lesi hendaklah diuji dengan ujian yang berkaitan.

Keputusan Positif

Ternakan yang positif penyakit yang berjangkit dan zoonotik hendaklah dilupuskan. (Rujuk Arahan Kerja Pelupusan Ternakan).

Keputusan Negatif

Ternakan yang negatif dalam kumpulan yang sama hendaklah dilanjutkan tempoh kuarantin dan diberikan rawatan.

- 6.3.4 PPVN hendaklah mengambilalih pengurusan kawalan penyakit sekiranya berlaku wabak penyakit berjangkit di dalam SKH (S).

## **6.4 Rekod**

- 6.4.1 SKH (S) hendaklah menyimpan rekod bagi setiap kemasukan ternakan seperti berikut:
- 6.4.1.1 Tarikh kemasukan ternakan;
  - 6.4.1.2 Jumlah ternakan yang masuk;
  - 6.4.1.3 No. Pengenal ternakan;
  - 6.4.1.4 Negara pengeksport;

- 6.4.1.5 Pemeriksaan veterinar semasa ternakan memasuki kuarantin;
  - 6.4.1.6 Pemeriksaan veterinar sebelum ternakan keluar daripada kuarantin;
  - 6.4.1.7 Pemeriksaan harian;
  - 6.4.1.8 Rawatan dan ujian yang dijalankan;
  - 6.4.1.9 Pengeluaran Sijil Kuarantin;
  - 6.4.1.10 Kebersihan kandang;
  - 6.4.1.11 Penyelenggaraan;
  - 6.4.1.12 Lawatan dan pemeriksaan oleh pihak JPV;
  - 6.4.1.13 Syarikat yang menggunakan kemudahan SKH (S);
  - 6.4.1.14 Destinasi akhir ternakan.
- 6.4.2 JPV hendaklah menyimpan rekod seperti berikut:
- 6.4.2.1 Senarai SKH (S) yang berdaftar;
  - 6.4.2.2 Ketidakkuratan;
  - 6.4.2.3 Syarikat yang disenarai-hitamkan.

Maklumat lanjut boleh didapati dengan menghubungi:

Seksyen Perkhidmatan Kuarantin dan Import/Eksport  
Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan SPS  
Jabatan Perkhidmatan Veterinar  
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani  
Wisma Tani, Blok Podium 4G1  
Presint 4  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62630 Putrajaya

Tel : 03-8870 2000

Faks: 03-8888 6472

Email : [pro@dvs.gov.my](mailto:pro@dvs.gov.my)

Laman web: <http://www.dvs.gov.my>

## **GARIS PANDUAN PENUBUHAN STESEN KUARANTIN HAIWAN SEMENTARA**

### **1.0 LOKASI DAN BIOSEKURITI**

#### **1.1 Lokasi**

Lokasi SKH (S) hendaklah terasing dan terletak berjauhan daripada kawasan atau kumpulan ternakan tempatan yang terdekat.

#### **1.2 Jalan Hubungan**

Mempunyai hubungan jalanraya yang baik dari jalan utama ke SKH (S). Hanya satu jalan hubungan bagi tujuan keluar masuk SKH (S).

#### **1.3 Pagar Keselamatan Berkembar**

Mempunyai pagar keselamatan berkembar dengan jarak 1.0-1.2 meter diantaranya. Ketinggian pagar hendaklah 1.7-2.0 meter dan diperbuat daripada *chain linked* atau siklon.

#### **1.4 Pintu Keluar / Masuk SKH (S)**

SKH (S) mempunyai hanya satu pintu keluar / masuk yang terkawal dan kebenaran masuk diberikan kepada orang-orang yang berkenaan sahaja.

#### **1.5 Takungan Pencelup Tayar Kenderaan dan Pencelup Kaki**

Pintu keluar masuk SKH (S) dilengkapi dengan takungan tayar

kenderaan dan pencelup kaki.

### **1.6 Papan Tanda**

Papan tanda nama SKH (S) dan 'KAWASAN LARANGAN' hendaklah disediakan dan hanya digunakan semasa ternakan sedang menjalani tempoh kuarantin. Papan tanda akan diturunkan apabila SKH (S) tidak digunakan.

## **2.0 INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN ASAS**

### **2.1 Kandang Ternakan**

Kandang ternakan hendaklah mempunyai tiang yang kukuh dan diperbuat daripada konkrit atau kayu.

### **2.2 Lantai Kandang**

Lantai kandang diperbuat daripada simen yang tebal, tahan lama, tidak licin untuk mengelak ternakan tergelincir serta memudahkan basuhan dan menghalang air bertakung.

### **2.3 Bumbung Kandang**

Bumbung kandang diperbuat daripada zink atau bahan bahan lain yang sesuai.

### **2.4 Keluasan Kandang**

Keluasan kandang secara puratanya adalah 2 meter persegi (2 meter X 1 meter) bagi setiap ekor lembu/kerbau dan 1 meter persegi (1 meter X 1 meter) bagi kambing/bebiri.

## **2.5 Pengudaraan Kandang**

Pengudaraan kandang hendaklah berkeadaan baik.

## **2.6 Palung Makanan dan Minuman**

Palung makanan dan minuman hendaklah disediakan mencukupi bagi setiap kandang.

## **2.7 Celung dan Penghimpit**

Celung dan penghimpit disediakan di setiap sisi laluan keluar ternakan untuk memudahkan aktiviti kesihatan gerompok dan pengambilan sampel darah / najis dijalankan.

## **2.8 Tangga Menurunkan Ternakan**

SKH (S) hendaklah disediakan dengan kemudahan tangga menurunkan ternakan yang sesuai bagi tujuan pemunggaran ternakan.

## **2.9 Kandang Rawatan**

SKH (S) hendaklah mempunyai kandang rawatan yang terasing daripada kandang ternakan sihat bagi mengasingkan ternakan yang sakit untuk tujuan rawatan dan pemantauan.

## **2.10 Ruang Post Mortem**

Ruang post mortem hendaklah disediakan terasing daripada kandang utama.



### **2.11 Kawasan Pelupusan Bangkai**

Bangkai ternakan hendaklah ditanam dikawasan yang dihaskan.

### **2.12 Kaedah atau Kawasan Pelupusan Najis**

SKH (S) hendaklah menyediakan kaedah atau kawasan pelupusan najis yang sesuai bagi memastikan air kumbahan dan air basuhan kandang diurus dengan baik.

### **2.13 Sistem Perparitan**

Parit hendaklah disediakan dengan kedalaman yang bersesuaian bagi mencegah air bertakung. Aliran najis perlu menuju ke kawasan pelupusan najis dan seterusnya ke longkang besar selepas rawatan.

### **2.14 Stor Makanan**

Stor makanan hendaklah bersesuaian dan berkeadaan baik bagi penyimpanan makanan sepanjang tempoh kuarantin.

### **2.15 Bilik Simpanan Ubatan dan Lain-Lain Peralatan**

Bilik simpanan ubatan dan lain-lain peralatan perlu disediakan dengan saiz yang bersesuaian dan mudah diselenggarakan.

### **2.16 Bekalan Elektrik**

SKH (S) hendaklah dibekalkan kuasa elektrik dari bekalan utama (TNB) dengan pencahayaan yang baik bagi kemudahan pemeriksaan ternakan diwaktu malam.

Sebuah janakuasa perlu disediakan untuk memastikan kegunaan kritikal tidak terjejas ketika bekalan elektrik terputus.

### **2.17 Bekalan Air**

Bekalan air bersih hendaklah disediakan sama ada daripada Jabatan Bekalan Air atau daripada sumber sumber air lain yang dirawat seperti telaga dan kolam. Persediaan menghadapi bekalan air terputus diperlukan untuk proses-proses yang kritikal bagi menjamin kelancaran perjalanan stesen kuarantin.

## **3.0 KAPASITI TERNAKAN**

SKH (S) mampu memuatkan antara 50-200 ekor ternakan lembu / kerbau atau 100-400 ekor ternakan kambing/bebiri untuk satu-satu kemasukan. Kapasiti yang melebihi 50-200 ekor ternakan lembu / kerbau atau 100-400 ekor ternakan kambing/bebiri perlu mendapat kebenaran khas daripada KPPV.

## **4.0 PENGURUSAN SKH (S)**

### **4.1 Manual Operasi**

Manual Operasi adalah terdiri dari arahan kerja yang terperinci kepada individu yang terlibat dalam aktiviti aktiviti sebelum, semasa dan selepas proses kuarantin ternakan.

### **4.2 Perlantikan PV (B) Bagi Tanggungjawab Pengurusan SKS (S)**

Pengurusan dan pentadbiran SKH (S) adalah di bawah kuasa seorang PV (B) yang dilantik oleh KPPV.

PV (B) ini akan mewakili JPV dalam mengurus dan memantau perjalanan SKH (S) dan mengambil tindakan tindakan yang bersesuaian bagi memastikan peraturan dan syarat SKH (S) dipatuhi.

#### **4.3 Sistem Semua Masuk, Semua Keluar**

Sepanjang tempoh kuarantin, tiada ternakan atau haiwan lain boleh memasuki atau disimpan di SKH (S). Sekiranya berlaku percampuran kumpulan ternakan yang berlainan, kesemua ternakan tersebut dianggap sebagai satu kumpulan baru dan perlu menjalani tempoh kuarantin penuh yang baru.

#### **4.4 Pengenalan Ternakan**

Semua ternakan hendaklah mempunyai sistem pengenalan (I.D.) yang baik.

#### **4.5 Bekalan Makanan dan Minuman Ternakan**

Makanan dan minuman ternakan di dalam kuarantin perlu disediakan oleh pemilik ternakan dengan secukupnya.

#### **4.6 Kebersihan Kandang dan Kawasan Persekitaran**

Kandang ternakan dan kawasan persekitaran hendaklah sentiasa bersih dan dibasmi kuman berpandukan kepada prosidur pembersihan dan basmi kuman yang ditetapkan.

#### **4.7 Pakaian Pekerja**

Pekerja hendaklah memakai pakaian yang sesuai, diganti dan dicuci setiap hari. Seboleh-bolehnya pakaian yang dipakai ketika di SKH (S) tidak dibawa keluar daripada SKH (S).

#### **4.8 Penyimpanan Rekod**

Rekod hendaklah disimpan dalam keadaan baik dan dikemaskini berkenaan pengenalan ternakan, latarbelakang pengimportan, pemeriksaan harian, kebersihan serta basmi kuman, mortaliti dan penyakit ternakan.

#### **4.9 Tempoh Kuarantin**

Ternakan tidak dibenarkan keluar dari SKH (S) semasa atau selepas tempoh kuarantin tanpa mendapat kebenaran daripada PV (B). Sijil Kuarantin akan dikeluarkan oleh PV (B) ke atas ternakan yang sihat dan cukup tempoh kuarantin yang ditetapkan.

#### **4.10 Kebersihan Kandang Selepas Tamat Tempoh Kuarantin**

Kandang hendaklah dikosongkan dengan memberi masa sekurang-kurangnya 3 hari diantara satu kumpulan ternakan dengan kumpulan berikutnya untuk kerja-kerja pembersihan, basmi kuman dan lain-lain persediaan bagi menerima kumpulan ternakan yang baru.

#### **4.11 Bayaran Kuarantin**

Bayaran Kuarantin adalah tertakluk kepada bayaran yang ditetapkan dan dipersetujui.

#### **4.12 Pencegahan dan Kawalan Penyakit**

##### **4.12.1 Kawalan Pintu Keluar / Masuk**

Pintu keluar / masuk hendaklah dikawal dengan rapi sepanjang tempoh kuarantin oleh pihak pengurusan SKH (S).

#### **4.12.2 Rekod Ternakan**

Pemilik ternakan hendaklah menyediakan rekod berkaitan ternakan serta pergerakan pekerja yang lengkap dan dikemaskini untuk pemeriksaan oleh PV (B).

#### **4.12.3 Laporan Kecemasan Penyakit**

Sebarang kejadian penyakit, tanda-tanda penyakit pada ternakan atau kematian ternakan semasa tempoh kuarantin hendaklah dilaporkan dengan kadar segera kepada pihak JPV yang berkenaan.

#### **4.12.4 Pengurusan Ternakan yang Disyaki Berpenyakit**

Pihak JPV berhak untuk mengambil tindakan yang sesuai seperti pemeriksaan, persampelan, pengujian, post mortem dan pemusnahan ternakan apabila disyaki, dipercayai atau disahkan jangkitan penyakit pada ternakan di dalam kuarantin dengan kosnya ditanggung oleh pemilik ternakan.

#### **4.12.5 Peruntukan Undang-Undang**

Jika berlaku sebarang wabak penyakit, tindakan sewajarnya akan diambil selaras dengan peruntukan undang-undang di bawah Undang Undang Kecil Stesen Kuarantin Binatang Persekutuan (Pengurusan dan Penyelenggaraan) (Semakan) 2008.

## **5.0 HAK UNTUK MEMBATALKAN KELULUSAN SKH (S)**

Pihak JPV berhak untuk membatalkan kelulusan SKH (S) pada bila-bila masa dengan notis bertulis sekiranya ia tidak lagi digunakan atau sekiranya didapati ia tidak mematuhi peraturan atau syarat- syarat yang telah ditetapkan Jabatan.

## **JAWATANKUASA PENYEDIAAN ARAHAN PROSEDUR KERJA STESEN KUARANTIN HAIWAN SEMENTARA**

Penasihat : **Y.H. Dato' Dr. Mohamad Azmie bin Zakaria**  
Pengarah Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan SPS

Disediakan oleh : **Dr. Maznah binti Ahmad**  
Seksyen Perkhidmatan Kuarantin dan Import / Eksport

**Dr. Saipul Bahari bin Hj. Abdul Ree**  
Seksyen Perkhidmatan Kuarantin dan Import / Eksport

**Dr. Nur Hafizan binti Sharudin**  
Seksyen Perkhidmatan Kuarantin dan Import / Eksport